

**ARAHAN OPERASI iSPEKS BIL. 6 TAHUN 2020**  
**PROSES KERJA TERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN BAGI PESANAN**  
**TEMPATAN (PT) / INDEN KERJA (IK) DI MODUL PENGURUSAN KONTRAK (COM)**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah melaksanakan penambahbaikan terhadap proses kerja terimaan barang/perkhidmatan bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja di Modul COM. Penambahbaikan ini akan dimuatnaik ke server iSPEKS Kerajaan Negeri Johor, Perlis, Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan pada 3 April 2020.

Aliran baharu kerja terimaan barang/perkhidmatan bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja di Modul COM adalah seperti dilampirkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Nur Fashaliyana binti Abdul Halim di talian 03-88869605 atau alamat emel fashaliyana.halim@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Khidmat Perunding  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Ruj. Fail: JANM.BKP.600-13/2/22 (8)

Tarikh: 1 April 2020


**ARAHAN OPERASI iSPEKS BIL. 6 TAHUN 2020**  
**PROSES KERJA TERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN BAGI PESANAN TEMPATAN / INDEN KERJA DI MODUL PENGURUSAN KONTRAK**

## 1. TUJUAN

Arahan Operasi ini bertujuan menerangkan penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam Modul Pengurusan Kontrak (COM) iaitu tambahan fungsi baharu terimaan barang/perkhidmatan bagi Pesanan Tempatan/ Inden Kerja serta tindakan yang perlu diambil oleh Bendahari Negeri (BN) bagi memastikan penambahbaikan proses ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada masa ini, tiada proses terimaan barang/perkhidmatan yang perlu dibuat bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja di modul COM. Aliran proses kerja sedia ada bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja adalah seperti berikut:



- 2.2. Fungsi Terimaan barang ini dilakukan adalah untuk mengesahkan bekalan/ perkhidmatan yang dibuat telah dibekalkan/disempurnakan dan disahkan oleh pegawai sebelum pembayaran dilakukan.


- 2.3. Selain itu, tambahan fungsi ini juga dilakukan bagi membolehkan aset yang dibeli dihantar ke Modul Pengurusan Aset dan Inventori (AIM) untuk tujuan pengurusan dan perakaunan aset.

### 3. TINDAKAN BENDAHARI NEGERI (BN)

Proses terimaan barang/perkhidmatan di Modul COM ini akan dimuatnaik ke server iSPEKS Kerajaan Negeri pada 3 April 2020. Justeru itu, BN perlu menyelesaikan semua Arahan Bayaran Pesanan Tempatan/ Inden Kerja kontrak yang masih berstatus SIMPAN atau SAH SIMPAN selewat-lewatnya sebelum jam 5.00 petang 3 April 2020. Ini adalah bagi memastikan penambahbaikan proses ini berjalan lancar, Sekiranya tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak BN perlu memaklumkan kepada BKP untuk tindakan selanjutnya.

### 4. PROSES KERJA TERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN BAGI PESANAN TEMPATAN / INDEN KERJA DI MODUL PENGURUSAN KONTRAK

4.1. Proses kerja baharu bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja adalah seperti berikut:



4.2. Perincian proses kerja baharu bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja boleh dirujuk kepada **Manual Pengguna versi 3.0** yang telah diedarkan kepada Kerajaan Negeri melalui *Google Drive* pada 6 Mac 2020.

## 5. PENUTUP

Bendahari Negeri (BN) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mengambil maklum akan tambahan fungsi baharu ini yang akan berkuatkuasa mulai **4 April 2020**. BN juga perlu menyelesaikan semua Arahan Bayaran Pesanan Tempatan/ Inden Kerja kontrak yang masih berstatus SIMPAN atau SAH SIMPAN **selewat-lewatnya sebelum jam 5.00 petang 3 April 2020** bagi memastikan penambahbaikan proses ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.